

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara Tetap/Kontrak di **FAKULTI SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN** seperti berikut:

## PROGRAM PERKHIDMATAN MAKANAN UH6541001 (HG09)

### BIDANG KEPAKARAN:

1	Perkhidmatan Makanan & Seni Kulineri ( <i>Foodservice &amp; Culinary</i> )
2	Perkhidmatan Makanan & Pengurusan Pemasaran ( <i>Foodservice &amp; Marketing Management</i> )

## JAWATAN : PENSYARAH UNIVERSITI (GRED DS51/ DS53) SECARA TETAP DAN KONTRAK

- i. **Klasifikasi Perkhidmatan** : Perkhidmatan Pendidikan  
ii. **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan dan Profesional

### SYARAT-SYARAT UMUM

- Berusia sekurang-kurangnya 18 tahun bagi calon warganegara pada tarikh tutup iklan;
- Mempunyai latar belakang pencapaian akademik yang baik, iaitu calon dengan Ijazah Sarjana Muda hendaklah mencapai purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi atau yang setaraf dengannya;
- Bidang pengkhususan kelayakan adalah relevan dan bersesuaian dengan keperluan dan penempatan bidang yang diperlukan (contoh: calon dengan kelayakan ijazah sarjana hendaklah memiliki bidang kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang relevan dan berkaitan dengan kelayakan Sarjana tersebut);
- Calon warganegara bagi tujuan pelantikan tetap hendaklah memperolehi kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya);
- Mempunyai kelayakan atau kebolehan pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris yang baik (contoh: calon warganegara memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, keputusan MUET sekurang-kurangnya Band 3);
- Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.
- Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap serta berkesan.

DINAMIK • LESTARI • INTEGRITI • KEADILAN • KEGEMBIRAAN



Transformation towards  
**UNIVERSITY  
INDUSTRY 4.0**

**UMS KAMPUS RAHMAH**  
TERAS KECEMERLANGAN DAN KEUNGGULAN

## SYARAT LANTIKAN

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE PENSYARAH KANAN GRED DS51 :**

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
- Bidang/Kelayakan Khusus : i. Memiliki Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- ii. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
- iii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- iv. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- Gaji Permulaan : RM5,855.00

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR MADYA GRED DS53 :**

- Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
- Bidang/Kelayakan Khusus : memenuhi syarat lantikan di Gred DS51 dan;
- i. mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
- ii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan
- Gaji Permulaan : RM6,162.00

## SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang mempunyai kriteria seperti berikut:

1. Mempunyai penerbitan dalam jurnal berindeks (ERA/SCOPUS/WOS); *atau*
2. Berpengalaman mengetuai geran penyelidikan atau sebagai ahli dalam geran penyelidikan (peringkat universiti/kebangsaan/antarabangsa); *atau*
3. Berpengalaman dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah; *atau*
4. Mempunyai pengalaman bekerja dalam industri hospitaliti serta bakeri bagi bidang-bidang yang berkaitan.

## CARA MEMOHON

Pemohon perlu mengemukakan CV dan salinan sijil-sijil akademik kepada:

**Pejabat Pentadbiran Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan melalui emel [hayatisb@ums.edu.my](mailto:hayatisb@ums.edu.my) dan [mylenn@ums.edu.my](mailto:mylenn@ums.edu.my).**

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **26 Mei 2023**

**PEROKOK ADALAH TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON.**

## MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pihak Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan:

**PUAN HAYATI SALLEH BAIHAKI**

Ketua Pentadbiran  
Pejabat Pentadbiran FSMP  
No. Tel. : 088-320 000 (no. samb.: 101937)  
E-mel : [hayatisb@ums.edu.my](mailto:hayatisb@ums.edu.my)

**PUAN MARLINA BINTI YACHO**

Setiausaha Pejabat  
Pejabat Pentadbiran FSMP  
No. Tel: 088-32 000 (no. samb.: 100723)  
E-mel: [mylenn@ums.edu.my](mailto:mylenn@ums.edu.my)